

LAPORAN KES PENDAKWAAN

OKS, Mohd Irwan bin Mohamed selaku pemilik tunggal MIDM Enterprise dan pemilik premis dobi jenis layan diri Laundry Bar Bandar Baru Uda telah dituduh di Mahkamah Sesyen Johor Bahru bagi tiga pertuduhan kerana melakukan kesalahan di bawah perenggan 11(g) Akta Bekalan Gas 1993 kerana menjalankan aktiviti penggunaan gas melalui sistem perpaipan tanpa lesen gas persendirian dan melanggar subperaturan 15(1) dan 16(1) Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997, kerana tidak memohon kepada Suruhanjaya Tenaga kelulusan untuk memasang, *Approval To Install* (ATI) pemasangan gas baharu dan tidak mendapatkan kelulusan untuk mengendali, *Approval To Operate* (ATO) daripada Suruhanjaya Tenaga. Pada 29 Oktober 2025, OKS telah mengaku salah terhadap kesemua pertuduhan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda dengan jumlah RM26,000.00 bagi ketiga-tiga pertuduhan. OKS membayar denda tersebut.